



Headline: Rugi RM9,250 ditipu scammer
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 7 December 2019

Language: Malay
Section: Pahang
Page: 30

Rugi RM9,250 ditipu scammer

KUANTAN - Seorang lelaki dari Jerantut Feri, Jerantut kerugian RM9,250 selepas ditipu sindiket scammer kelmarin.

Mangsa berusia 26 tahun itu kononnya dimaklumkan mengenai tunggakan kad kredit RM10,000 yang perlu diselesaikan selain dikehendaki atas kes mengedar dadah berkait kes tangkapan seorang wanita di Thailand.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, penipuan ke atas mangsa didalangi tiga individu yang menyamar sebagai 'pegawai mahkamah Johor', 'pegawai perundangan sivil' dan 'inspektor polis' ko-



MOHD WAZIR

nonnya dari Bahagian Siasatan Jenayah Kontinjen Johor.

"Mangsa dijerat kononnya hasil semakan mendapati dia ada membuat pinjaman kad kredit dan mempunyai tunggakan bayaran berjumlah

RM10,000 yang perlu dijelaskan dalam tempoh dua jam atau berdepan tindakan undang-undang," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, mangsa kemudian menyerahkan maklumat dikehendaki termasuk empat digit terakhir di dua kad banknya dan nombor kod kebenaran transaksi (TAC).

"Mangsa menyedari ditipu selepas menerima notis pesanan daripada pihak bank berhubung transaksi dari dua akaun banknya berjumlah RM4,250 dan RM5,000.

"Mangsa membuat laporan polis dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.